

TERMA DAN SYARAT PROGRAM KEAHLIAN KHAIRAT MYKASIH JENAZAH

1.0 SYARAT PENYERTAAN

1.1 Pakej Keluarga

- a. Keahlian adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap termasuk mereka yang bukan beragama Islam.
- b. Had umur mendaftar untuk dewasa adalah 18 tahun hingga 65 tahun.
- c. Bagi peserta yang menyertai sebelum berumur 50 tahun layak membuat pembaharuan sehingga umur 80 tahun.
- d. Pasangan yang sah adalah dilindungi secara automatik. Terhad kepada seorang pasangan yang dinamakan sahaja.
- e. Semua anak yang berumur 06 bulan hingga 17 tahun adalah layak mendapat manfaat secara automatik di bawah keahlian ibu/ayah. Terhad kepada dua kematian anak mana-mana yang terdahulu.

1.2 Pakej Individu

- a. Keahlian adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap termasuk mereka yang bukan beragama Islam.
- b. Had umur mendaftar adalah daripada 6 (enam) bulan hingga 65 tahun.
- c. Bagi peserta yang menyertai sebelum berumur 50 tahun layak membuat pembaharuan sehingga umur 80 tahun.

2.0 PEMBAYARAN

2.1 Kadar bayaran dan pakej adalah seperti yang terdapat di laman sesawang mykasihjenazah.com.

2.2 Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau secara online kepada mana-mana akaun yang ditentukan oleh Dar Kasih Sdn Bhd (anak syarikat Dar Al Istithmar Sdn Bhd.). Sila kemukakan resit transaksi

kepada pihak pengurusan Khairat MyKasih Jenazah sebagai bukti bayaran dan resit.

- 2.3 Khairat MyKasih Jenazah tidak akan bertanggungjawab ke atas pembayaran yang dibuat kepada akaun selain Dar Kasih Sdn Bhd atau Dar al Istithmar Sdn Bhd atau mana-mana akaun yang tidak ditentukan oleh Dar Kasih Sdn Bhd atau Dar al Istithmar Sdn Bhd dan tanpa mengemukakan bukti bayaran.
- 2.4 Setiap keahlian yang berjaya akan diberikan resit penerimaan sebagai bukti pendaftaran. Sila hubungi kami jika tidak menerima resit.

3.0 KEAHLIAN

- 3.1 Tempoh keahlian adalah selama setahun bermula dari tarikh efektif. Tarikh efektif boleh disemak pada kad keahlian maya.
- 3.2 Perlindungan bermula 30 hari selepas permohonan diluluskan.
- 3.3 Bagi peserta dengan sakit sedia ada, adalah tertakluk kepada tempoh menunggu 60 hari daripada tarikh permohonan diluluskan.
- 3.4 Sekiranya peserta meninggal dunia di dalam tempoh menunggu, wang sumbangan peserta akan dikembalikan sepenuhnya kepada waris.
- 3.5 Kad Keahlian maya/virtual boleh disemak secara online selepas 30 hari bekerja daripada tarikh pendaftaran berjaya.
- 3.6 Kad keahlian fizikal bagi pakej individu yang layak akan dikeluarkan kepada peserta berkenaan dalam tempoh 30-45 hari bekerja.
- 3.7 Pihak Khairat MyKasih Jenazah berhak menolak sebarang permohonan / pendaftaran tanpa sebarang notis / makluman.
- 3.8 Pihak Khairat MyKasih Jenazah berhak mengubah, meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada syarat dan peraturan ini tanpa sebarang notis semasa permohonan pembaharuan keahlian.
- 3.9 Kelayakan manfaat dalam program Khairat ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat biasa seperti yang ditetapkan oleh pihak Insuran / Takaful.
- 3.10 Kematian disebabkan oleh COVID-19 tidak layak menerima sebarang manfaat yang dinyatakan dalam semua pakej.

- 3.11 Keahlian dianggap tamat apabila tiada bayaran pembaharuan diterima selepas tempoh keahlian berakhir.
- 3.12 Pembaharuan boleh dibuat secara atas talian atau menghubungi wakil/perunding Khairat MyKasih.

4.0 PROSEDUR TUNTUTAN

- 4.1 Bagi tuntutan segera semasa hari kematian, waris boleh menelefon terus ke talian bebas tol 1-800-88-7077 atau mesej ke 011-5501 3537 atau melalui wakil sah Khairat MyKasih Jenazah terdekat.
- 4.2 Pihak waris perlu mengemukakan bukti salinan sijil kematian atau permit penguburan dan bukti hubungan keluarga dengan si mati, semasa membuat laporan kematian.
- 4.3 Sekiranya waris memilih untuk menguruskan sendiri jenazah atau diuruskan oleh pengurusan kariah surau/masjid tempatan, pihak Khairat MyKasih Jenazah akan memberikan pendahuluan wang tunai RM1,500.00 dalam tempoh 24jam bergantung kepada pakej yang disertai.
- 4.4 Manfaat selain daripada pengurusan jenazah hanya dilaksanakan dalam tempoh 45 – 60 hari bekerja selepas semua dokumen lengkap seperti laporan polis, laporan perubatan dan sebagainya dikemukakan oleh waris.

5.0 SKOP PERKHIDMATAN PENGURUSAN JENAZAH MUSLIM

- 5.1 Perkhidmatan pengurusan Jenazah Lengkap Khairat MyKasih dihari kematian:-
 - a. Khidmat nasihat kepada waris.
 - b. Membantu waris bagi proses dokumentasi kematian jika diperlukan.
 - c. Pengangkutan Jenazah dari tempat kematian ke hospital, rumah, masjid/surau dan tanah perkuburan.
 - d. Memandikan jenazah.
 - e. Mengkafankan jenazah.
 - f. Solat jenazah.
 - g. Pengkebumian jenazah

- h. Menyantuni dan menjaga kehormatan jenazah sepanjang masa ianya diuruskan.
- 5.2 Khairat pasca hari kematian (bagi pakej berkenaan).

6.0 PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN MANFAAT KEMATIAN

- 6.1 Dar Kasih Sdn Bhd berhak untuk menguruskan dan mentadbir manfaat yang telah dinyatakan dalam pakej/skim yang telah disertai dan disetujui oleh peserta semasa permohonan.

Dikeluarkan oleh:
Khairat MyKasih Jenazah
c/o Dar Kasih Sdn Bhd
(Ahli kumpulan Dar al Istithmar Sdn Bhd)
www.mykasihjenazah.com